



Destinasi Cuti

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR

RIMBA Herba Perlis di Hutan Simpan Bukit Bintang Kompartmen 9 di Kangar, Perlis terus menjadi tarikan pengunjung apabila menghimpunkan kira-kira 750 spesies herba, sekali gus berfungsi sebagai muzium hidup untuk pembelajaran masyarakat.

Pembantu Pegawai Rimba Herba, Hashim Saad berkata, kawasan seluas 12 hektar yang ditubuhkan pada 1998 dan dibuka kepada umum setahun kemudian itu menampilkan konsep *in situ* dan *ex situ* bagi memelihara khazanah herba tempatan.

"Selepas banciaan semula pada tahun 2017, kita merekodkan sebanyak 750 spesies herba termasuk tongkat ali, kacip fatimah dan kucing galak.

"Konsep *in situ* melibatkan pokok sedia ada di dalam kompartmen ini manakala *ex situ* pula ialah pokok yang tiada di sini tetapi dibawa masuk untuk tujuan pemuliharaan dan pembelajaran," katanya kepada CitaRasa baru-baru ini.

Rimba Herba Perlis yang berfungsi sebagai muzium hidup itu turut berkongsi khasiat mengenai tanaman yang kebiasaannya mudah ditemui di halaman rumah terutama di kawasan desa seperti bunga raya, bunga tahi ayam, senduduk, pokok kapal terbang, sireh, kesom dan pinang.

Bahkan kawasan itu juga sesuai dijadikan sebagai destinasi percutian keluarga yang bukan sahaja berpeluang mempelajari tentang rahsia tumbuhan dalam perawatan tradisional tetapi dapat memberi pendedahan kepada golongan muda tentang manfaat alam semula jadi.

Menurutnya, tempat itu juga menyediakan taklimat berkaitan tumbuhan ubatan dan khasiatnya kepada pengunjung yang memaklumkan lebih awal untuk mendapatkan khidmat pemandu pelancong.

"Kita ada 10 laman herba seperti Laman Wangi, Laman Patah, Laman Bidan, Laman Pegaga, Laman Empat Serangkai, Laman Kanser, Laman Buasir, Laman Tenaga Batin, Laman Dadah dan Laman Gout.

"Pengunjung juga boleh mencuba rendaman kaki menggunakan 13 jenis herba yang dikatakan membantu masalah gout, angin dalam darah, urat saraf, migrain dan kencing manis," ujarnya.

Katanya lagi, pihaknya turut menawarkan jualan pokok herba, minuman herba untuk pelbagai khasiat termasuk berkaitan kanser prostat serta minyak angin sembilan jenis bagi kegunaan urutan dan memulihkan urat saraf.

Selain menawarkan ruang pameran, informasi tanaman dan jualan, Rimba Herba Perlis juga menyediakan kawasan rehat seperti meja serta kerusi termasuk



ANTARA pengunjung yang meluangkan masa di Rimba Herba Perlis.

Rimba Herba Perlis kongsi rahsia tumbuhan herba




Kita ada 10 laman herba seperti Laman Wangi, Laman Patah, Laman Bidan, Laman Pegaga, Laman Empat Serangkai, Laman Kanser, Laman Buasir, Laman Tenaga Batin, Laman Dadah dan Laman Gout."

wakaf, surau, kawasan tempat letak kenderaan dan tandas untuk keselesaan pengunjung. Pengunjung juga boleh melakukan lawatan dengan bantuan pemandu pelancong Rimba Herba Perlis atau melakukannya secara sendiri.

Rimba Herba Perlis dibuka kepada pengunjung bermula pukul 8 pagi hingga 5 petang dan tutup pada setiap hari Rabu kecuali pada musim cuti sekolah serta cuti umum.

Sementara tiket masuk sempena Tahun Melawat Perlis dijual pada harga RM2 untuk dewasa, RM1 (kanak-kanak), RM5 (bukan warganegara dewasa), RM3 (bukan warganegara kanak-kanak) dan percuma bagi orang kurang upaya (OKU) bersama kanak-kanak di bawah umur enam tahun manakala caj rendaman kaki herba bermula dari RM10.



RIMBA Herba Perlis dianggap sebagai muzium hidup yang mempamerkan tumbuhan herba.